



POLISI PEMBERI MAKLUMAT
(*"Whistleblowing Policy"*)

KENYATAAN POLISI

Polisi Pemberi Maklumat diwujudkan adalah bertujuan untuk memberi sokongan secara langsung kepada Nilai Teras dan Kod Etika Syarikat yang meletakkan nilai yang tinggi ke atas amanah dan integriti daripada tenaga kerjanya.

OBJEKTIF POLISI

Polisi ini bertujuan menggalakkan dan membolehkan tenaga kerja dan pihak lain untuk melaporkan apa-apa kelakuan yang mungkin menyalahi undang-undang, tidak beretika atau perbuatan yang dianggap salah. Ia merupakan satu saluran rasmi untuk tenaga kerja dan pihak lain untuk membuat aduan dan pendedahan.

SKOP

Semua tenaga kerja (samada tetap, kontrak, sementara atau sambilan), pengarah, pembekal, agensi luar atau pihak-pihak luar yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Syarikat.

POLISI

- a) Syarikat menggalakkan tenaga kerja atau pihak lain untuk mendedahkan secara jujur dan terbuka dan aduan / kebimbangan yang dibangkitkan akan dilayan secara adil dan sewajarnya.
- b) Semua pendedahan yang dibuat di bawah Polisi ini akan ditangani secara rahsia. Pendedahan yang diterima secara layang tidak akan dilayan bagi mengelakkan laporan palsu yang berniat jahat, eksploitasi dan pemangsaan.
- c) Pemberi maklumat dikehendaki mengenalkan dirinya dan memberikan maklumat untuk dihubungi di dalam laporannya. Ini akan memudahkan penyiasat untuk mendapatkan maklumat lanjut, jika diperlukan dan memaklumkan keputusan penyiasatan kepada pemberi maklumat.

SALURAN KOMUNIKASI

Pendedahan/laporan boleh dibuat melalui salah satu saluran berikut:-

- Email kepada whistleblower@ptbgroup.com.my
- Melalui surat/borang khas dan dihantar ke
[Nama Pengarah Bebas],
PTB Unit Trust Berhad,
29.01 KT Business Centre (KTBC),
Jalan Sultan Mohamad,
21100 Kuala Terengganu.
{Untuk dibuka oleh "yang dinamakan" sahaja}.



Borang Pemberi Maklumat

LAPORAN PEMBERI MAKLUMAT		
Kepada :		
Tarikh & Masa Kejadian	Tarikh:	Masa:
Lokasi Kejadian		
Nama Individu Yang Disyaki / Bahagian / Jabatan		
Huraian / Kejadian (Sila gunakan lampiran sekiranya perlu)	<ul style="list-style-type: none">• <i>Siapa, Bila, Di mana, Bagaimana, Saksi</i>• <i>Sila berikan bukti-bukti untuk menyokong dakwaan</i>	
Tandatangan	: _____	
Nama	: _____	
Bahagian/Jabatan/Syarikat	: _____	
No. telefon	: _____	
Tarikh	: _____	

Nota : Adalah penting bagi anda untuk memberikan nama dan nombor untuk dihubungi supaya kami dapat menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan (sekiranya perlu).